

PRODUK BERASASKAN CSR DI INSTITUSI KEWANGAN ISLAM MALAYSIA

(CSR-BASED PRODUCT IN MALAYSIA'S ISLAMIC FINANCIAL INSTITUTIONS)

Norajila Binti Che Man¹
Nor Azlina Binti Abd Wahab²
Norafifah Binti Ab Hamid³
Nuruul Hidayah Binti Mansor⁴

Abstrak

Tanggungjawab sosial korporat (CSR) berkaitan dengan amalan pengurusan organisasi yang baik (good governance) yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi. CSR boleh diklasifikasikan sebagai salah satu instrumen dalam filantropi Islam. Konsep CSR menekankan prinsip "doing well by doing good" dalam pelaksanaannya. Institusi kewangan Islam sebagai salah sebuah organisasi juga turut terkesan dengan konsep CSR ini. Kebanyakan institusi kewangan di Malaysia melaksanakan CSR dalam amalan organisasi mereka. Namun begitu, dalam konteks yang lebih luas, bagaimanakah pelaksanaan CSR dalam setiap organisasi itu berupaya memberikan impak yang bersifat menyeluruh samada kepada masyarakat ataupun stakeholders. Penawaran produk berasaskan prinsip Qard al-Hasan sebagai salah satu instrumen kebajikan Islam boleh diperluaskan lagi pelaksanaannya supaya fungsi institusi kewangan Islam sebagai pengimbangtara sosio-ekonomi dapat diperluaskan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mengetengahkan prinsip Qard al-Hasan sebagai salah satu produk CSR yang perlu ditawarkan oleh institusi kewangan Islam bagi memenuhi keperluan sosio-ekonomi masyarakat sekaligus memberi impak kepada pembangunan ekonomi Negara.

Kata kunci: CSR, Qard al-Hasan, Institusi Kewangan

Abstract

Corporate social responsibility (CSR) practices associated with the good organizational management (good governance) carried out by the organizations. CSR can be classified as one of Islamic philanthropy instruments that emphasizes on the principle of "doing well by doing good" in practice. As an organization, Islamic financial institutions are also bound by this concept. In Malaysia, most of Islamic financial institutions practices CSR in their businesses. However, some issues arise whether the implementation of CSR create great impact to the stakeholders in a broader context. Products offering based on principle of Qard al-Hasan as an instrument of Islamic welfare can be further expanded to ensure that Islamic financial institutions can play their role as socio-economic arbitrators at whole. Therefore,

¹ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (Melaka) Kampus Jasin, 77300 Merlimau Melaka, Tel: +6062645360. Email: norajila@melaka.uitm.edu.my

² Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA Melaka Kampus Alor Gajah, 78000 Alor Gajah Melaka, Tel: +6065582304. Email: azlina406@melaka.uitm.edu.my

³ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (Melaka) Kampus Jasin, 77300 Merlimau Melaka, Tel: +6062645357. Email: norafifah@melaka.uitm.edu.my

⁴ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Negeri Sembilan, Tel:+6064832382. Email: Nuruul8413@ns.uitm.edu.my

this study was conducted to highlight Qard al-Hasan as one of CSR product to be offered by the Islamic financial institutions to cater the needs of society and Malaysia's economic development.

Keywords: CSR, Qard al-Hasan, Islamic Financial Institutions

2016 GBSEJournal

Pendahuluan

Tanggungjawab sosial korporat sangat penting memandangkan perkembangan serta kemajuan sesebuah institusi korporat banyak bergantung kepada faktor-faktor lain selain keuntungan perniagaan semata-mata. Sokongan pelbagai kumpulan masyarakat seperti pengguna, pekerja, pemilik modal, kumpulan bukan pengguna serta masyarakat umum banyak membantu dalam meningkatkan prestasi dan kemajuan sesebuah institusi korporat. Ianya merupakan satu tanggungjawab sosial perniagaan bagi mengatasi masalah dan isu sosial serta mengandungi matlamat politik. Dalam erti kata yang lain, perniagaan seharusnya menjadi penyelamat dan penyelesaian masalah dalam masyarakat. Secara umumnya, sektor korporat boleh memainkan peranan dalam tiga aspek iaitu ekonomi atau kewangan, kemasyarakatan dan alam sekitar. Dari segi ekonomi, antara tanggungjawab sosial korporat yang boleh dilakukan ialah menyumbang kepada program-program pembangunan ekonomi, menyediakan produk-produk dan perkhidmatan yang lebih banyak dan lebih baik serta memastikan bahawa produk dan perkhidmatan yang ditawarkan tidak mencemarkan alam sekitar dan memberi kesan yang buruk terhadap persekitaran. Dari segi tanggungjawab kepada masyarakat, syarikat korporat boleh memainkan peranan dalam menyediakan peruntukan biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang di samping membina kemudahan komuniti, menyumbang kepada aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan, menyediakan peluang pekerjaan yang lebih banyak dan sebagainya. Tanggungjawab sosial yang dilakukan ini dapat membantu pihak kerajaan dalam memastikan kebajikan masyarakat terjamin.

Kajian Literatur

Dalam bidang penyelidikan, banyak kajian berkaitan tanggungjawab sosial korporat dan Qard al-Hasan telah dijalankan. Justeru kajian-kajian lalu ini dikemukakan secara spesifik mengikut klasifikasi-klasifikasi seperti berikut:

Kajian Yang Berkait Dengan Tanggungjawab Sosial Korporat.

CSR mempunyai banyak maksud yang berbeza bergantung kepada bagaimana seseorang itu mentafsirkannya. Blair (Kolasa, 1972) mendefinisikan konsep CSR ini melalui makna tanggungjawab. Perkataan tanggungjawab boleh ditakrifkan sebagai keadaan bertanggungjawab, bertanggungjawab terhadap sesuatu, ataupun kebertanggungjawaban. Ia juga boleh didefinisikan sebagai etika di mana status bagi personaliti dianggap sebagai mampu untuk bertindak balas terhadap tanggungan yang telah ditetapkan oleh undang-undang moral ataupun oleh prinsip-prinsip etika (Kolasa, 1972). CSR juga boleh difahami sebagai satu rangka kerja bagi peranan sesebuah institusi korporat dan meletakkan satu standard perlakuan di mana sesebuah syarikat mesti mengambil kira untuk memberi kesan yang positif dan produktif kepada masyarakat (Dusuki, 2006). Secara mudahnya dapat disimpulkan sesuatu keputusan dan pilihan yang dilakukan oleh institusi korporat seharusnya

memberikan kesan yang positif dan produktif ke atas kebajikan dan kesejahteraan masyarakat.

CSR ini telah menjadi isu debat sejak berkurun lamanya, iaitu bermula sebelum zaman pasaran terbuka oleh Manville (1705) yang dibincangkan dalam buku *'The Fable of The Bees'* dan juga Adam Smith (1776) dalam bukunya *"Wealth of Nations"* sehinggalah ke abad 20 ini (Mohammed, 2007). Kebanyakan sarjana barat bersetuju bahawa Howard Bowen merupakan orang pertama yang cuba menulis mengenai hubungan antara syarikat dan masyarakat melalui bukunya yang bertajuk *"Social Responsibility of The Business"* (Lee, 2008). Beliau mengatakan bahawa, industri mempunyai obligasi *"to pursue those policies, to make those decisions, or to follow those lines of actions which are desirable in terms of the objectives and values of society"*. Di sini dapat difahami bahawa, sesebuah syarikat boleh menjalankan operasi perniagaan mereka mengikut kehendak sendiri, namun harus juga memberi perhatian kepada objektif dan nilai-nilai yang akan diterima oleh masyarakat.

Berbanding dengan konsep CSR dari perspektif konvensional, konsep CSR menurut perspektif Islam lebih menjurus kepada pendekatan kerohanian. Pandangan bersifat rohaninya adalah berteraskan daripada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Dan idea mengenai tanggungjawab sosial ini terkandung dalam ikatan kerohanian (*religious bond*). Ikatan ini memerlukan setiap individu untuk berserah kepada ketetapan syariah dengan melaksanakan setiap tanggungjawab yang telah ditetapkan dan menjalani kehidupan di muka bumi ini dengan berasaskan kebaikan dan kemurnian akhlak sebagaimana dituntut oleh syariah. Ikatan kerohanian ini menggambarkan komitmen terhadap standard moral dan juga norma-norma sosial dengan berasaskan kepada syariah (Dusuki, 2008). Ini kerana, dalam Islam matlamat yang ingin dicapai bukan tertumpu kepada keperluan material sahaja, tetapi ianya merangkumi konsep kesejahteraan hidup manusia yang menekankan konsep persaudaraan dan keadilan sosioekonomi, di mana ia memerlukan keseimbangan antara kedua-dua aspek samada keperluan material ataupun spiritual bagi setiap insan (Rice, 1999).

Terdapat lima elemen utama yang mendasari tanggungjawab sosial korporat menurut perspektif Islam ini iaitu takwa, tauhid, ukhuwah, al-'adl dan al-fardh (Man, 2011). Elemen takwa menjadi penggerak kepada individu untuk mencapai objektif-objektif syariah melalui jalan yang telah ditetapkan oleh syariah itu sendiri. Ketakwaan kepada Allah SWT akan mewujudkan nilai-nilai moral di dalam diri individu dalam membentuk kehidupan sosialnya sendiri. Individu yang bertakwa akan memastikan hubungannya dengan Allah SWT, Tuhan pencipta alam, sentiasa terpelihara di samping hubungannya sesama manusia dan juga makhluk Allah SWT yang lain seluruhnya. Hubungan manusia dengan manusia seharusnya dihiasi dengan nilai-nilai yang wujud dalam Islam seperti kepercayaan, amanah, keadilan, saling menghormati, kebaikan dan tolak ansur. Hubungan ini menjadi pendorong kepada sektor korporat melaksanakan tanggungjawab mereka. Individu yang memelihara hubungannya dengan Allah SWT secara tidak langsung akan menjaga hubungan-hubungannya yang lain. Situasi ini akan mengelakkan berlakunya perselisihan kepentingan di kalangan ahli masyarakat kerana setiap individu dalam masyarakat mempunyai satu matlamat yang utama iaitu menghambakan diri kepada Allah SWT (Man, 2011). Individu akan bekerjasama dari bersaing sesama sendiri untuk mencapai matlamat *al-falah* sebagai puncak kejayaan dalam hidup.

Selain itu, elemen tauhid menunjukkan peranan manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi. Manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini bertanggungjawab untuk memikul amanah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT bagi memastikan kepentingan

ummah sentiasa terpelihara. Dalam Islam, prestasi perniagaan diukur berdasarkan bagaimana sumber alam yang terhad digunakan dengan sebaiknya untuk memajukan masyarakat (Muhamad, 2007). Sumber alam tersebut perlu digunakan dengan sebaik-baiknya kerana ianya merupakan amanah dari Allah SWT untuk generasi akan datang. Sekiranya sumber alam tersebut dibazirkan dengan sewenang-wenangnya, kesannya akan dapat dilihat pada generasi akan datang. Oleh itu, sumber yang ada perlu diuruskan dengan sebaiknya oleh organisasi perniagaan bagi menjamin kemandirian masyarakat akan datang.

Konsep CSR dalam Islam juga bercambah dari konsep persaudaraan dan keadilan sosial kerana Islam merupakan satu program hidup yang selaras dengan peraturan alam yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Ianya juga telah menetapkan secara jelas hubungan antara sesama manusia yang berpandukan kepada konsep persaudaraan dan kesaksamaan. Keadilan dan persaudaraan dalam Islam menekankan bahawa ahli masyarakat harus mengambil berat mengenai keperluan asas orang-orang fakir dan miskin (Rice, 1999). Konsep keadilan sosial ini memastikan setiap individu dalam masyarakat mendapat hak masing-masing.

Konsep keadilan sosial ini memastikan setiap individu dalam masyarakat mendapat hak masing-masing. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam ayat di atas, harta-harta yang ada di dalam masyarakat hendaklah diagihkan kepada setiap individu supaya harta tersebut tidak hanya berlegar untuk satu golongan sahaja. Konsep keadilan sosial ini diperkukuhkan lagi dengan konsep ukhuwah iaitu persaudaraan sesama Muslim. Konsep ini menjadikan setiap Muslim bertanggungjawab antara satu sama lain. Komitmen Islam terhadap keadilan sosial dan persaudaraan menuntut masyarakat Islam untuk mengambil perhatian terhadap keperluan asas orang-orang miskin dan yang memerlukan (Man, 2011).

Kajian Berkaitan Qard al-Hasan

Secara umumnya, perkataan al-Qardu al-Hasan bermaksud pinjaman yang baik. Ia merupakan manifestasi keprihatinan seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan khususnya dalam aspek kewangan. Oleh itu, peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja tanpa dikenakan faedah. Konsep kebaikan dalam kontrak ini juga menjurus kepada sifat toleransi dan prihatin peminjam yang boleh memberikan saguhati berbentuk wang kepada pemiutang sewaktu melunaskan hutangnya sebagai tanda penghargaan kepada pemiutang kerana memberikan bantuan dalam keadaan terdesak (Shahnaz binti Sulaiman, t.th). Ini berdasarkan kepada hadith Jabir bin Abdullah yang meriwayatkan bahawa beliau telah pergi berjumpa dengan Rasulullah SAW di masjid. Baginda Rasulullah menyuruhnya menunaikan solat dua rakat dan selepas itu Baginda telah membayar hutang kepada Jabir dengan bayaran yang lebih. Pinjaman atau 'Qard' dalam Islam adalah merupakan satu kontrak yang diasaskan atas dasar bantu membantu, sukarela (*tabarru'*) dan belas kasihan kepada individu yang memerlukan. Atas sebab itu, Islam menyanjung tinggi amalan ini sehinggakan Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"Abu Hurairah telah meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW telah bersabda: Sesiapa yang melepaskan seorang mu'min suatu kesusahan di dunia, nescaya Allah akan melepaskan dirinya daripada suatu kesusahan dari kesusahan-kesusahan di hari kiamat, sesiapa yang meringankan penderitaan seorang yang susah, nescaya Allah akan meringankan penderitaan dirinya di dunia dan di akhirat. Dan Allah sentiasa menolong hambaNya, selagi hambaNya berusaha menolong saudaranya.

(HR. Muslim)

Sebuah lagi hadith menyebutkan kelebihan pinjaman tanpa faedah sebagaimana hadis berikut yang diriwayatkan oleh Anas bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

“Pada malam aku diisra’kan (mi’raj) aku melihat tulisan di pintu syurga, pahala sedekah ialah sepuluh kali ganda dan pahala memberi hutang ialah 18 kali ganda. Aku bertanya Jibril kenapa memberi hutang lebih banyak pahalanya daripada sedekah? Jibril menjawab kerana orang yang meminta sedekah dalam keadaan meminta sedang dia mempunyai harta, sedangkan orang yang meminta pinjaman tidak akan meminta pinjaman kecuali kerana sesuatu keperluan”

(Al-Suyuti, hlm:91).

Berdasarkan asas tersebut, kontrak pinjaman ini tidak sesekali boleh dijadikan sebagai alat untuk perniagaan atau meraih keuntungan di dalam Islam. Bagi memastikan objektif kebajikan dan bantuan dalam ‘Qard’ tercapai, Islam meletakkan kewajiban, bagi setiap pinjaman wang (cth: RM 5000) mestilah dipulangkan pada kemudian hari dengan jumlah yang sama tanpa sebarang tambahan dan manfaat lain yang dipaksakan atau dipersetujui. Sekiranya terdapat sebarang tambahan (cth 3 % dari jumlah RM 5000 sebagai bunga atau manfaat lain), sepakat seluruh ulama menyebut ianya termasuk dalam kategori Riba an-Nasihah yang disepakati haramnya (Zaharuddin, 2006). Sabran Osman, 2001, dalam karyanya yang bertajuk *Urus Niaga al-Qard al-Hasan dalam Pinjaman Tanpa Riba*, penulis telah membincangkan secara terperinci mengenai konsep al-Qard al-Hasan serta bentuk-bentuk kontrak pinjaman yang dianjurkan oleh al-Quran. Selain itu penulis juga turut membincangkan dalam penulisannya mengenai sistem pelaksanaan al-Qard al-Hasan yang dijalankan oleh bank, koperasi dan pajak gadaai Islam al-Rahn. Penulis juga meletakkan harapan kepada masyarakat Islam agar dapat menghayati, memahami dan berusaha ke arah wujudnya sebuah institusi kewangan al-Qard al-Hasan seiring dengan perkembangan perbankan Islam masa kini. Prinsip Qard al-Hasan juga merupakan pinjaman kebajikan di mana peminjam hanya perlu membayar hutangnya dengan jumlah yang dipinjamnya sahaja tanpa apa-apa bayaran tambahan (Sabran Osman, 2001:61). Menurut Osman Sabran lagi, produk al-Qard al-Hasan kini belum banyak diperkenalkan secara meluas di seluruh dunia, kebanyakan institusi kewangan dan bank tidak begitu berminat untuk memberikan perkhidmatan al-Qard al-Hasan. Alasan yang diberikan kerana bank berjalan atas asas perniagaan dan bertujuan mendapat keuntungan, sedangkan al-Qard al-Hasan tidak mendatangkan keuntungan untuk pendeposit bank. Oleh itu al-Qard al-Hasan hanya menjadi produk yang disediakan oleh koperasi-koperasi Islam sahaja. Antara produk al-Qard al-Hasan adalah seperti pinjaman kebajikan, overdraf, pinjaman al-Rahnu, terbitan pelaburan kerajaan, pinjaman pendidikan dan kebajikan am (Osman Sabran, 2001:99-100).

Menurut Bhuiyan et.al. 2012, kemiskinan merupakan satu penyakit utama dalam meneruskan kehidupan, kerana ianya akan memusnahkan hak asasi manusia untuk meneruskan kehidupan mereka. Artikel ini turut membincangkan bahawa al-Qard al-Hasan merupakan satu pendekatan yang terbaik dalam menangani kemiskinan hidup. Ianya juga boleh dijadikan sebagai model alternatif untuk pembasmian kemiskinan dan memastikan kehidupan lestari terutamanya zakat berdasarkan mod pembiayaan Islam dan al-Qard al-Hasan atas dasar nilai-nilai rohaniah (Bhuiyan et.al, 2012). Seyed Kazem Sadr 2014, dalam penulisannya yang bertajuk *Qard Hasan Financing In Islamic Banks* telah beliau menyatakan bahawa al-Qard al-Hasan ialah konsep pinjaman atau hutang yang dibenarkan oleh Islam, iaitu pinjaman tanpa ada faedah, yang merupakan aktiviti ekonomi yang berbentuk kebajikan. selain itu

konsep al-Qard al-Hasan juga mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri, yang membezakannya dengan instrumen kedermawanan lain seperti wakaf dan infaq, malah dengan kaedah-kaedah pembiayaan lain yang digunakan dalam institusi kewangan. dalam penulisan ini juga, penulis turut mencadangkan supaya konsep al-Qard al-Hasan digunakan secara meluas oleh institusi kewangan. Dalam masalah ini para fuqaha' juga menyedari bahawa dalam menguruskan al-Qard al-Hasan pihak bank terlibat dalam beberapa kos tertentu. Oleh itu, para fuqaha' tidak menegah seandainya pihak bank ingin mengenakan bayaran perkhidmatan untuk menampung kos-kos tersebut. Bayaran yang dikenakan pula mestilah merupakan kos sebenar yang berlaku. Selain itu syarat penting untuk mengelakkan bayaran ini disamakan dengan bunga atau riba ialah dengan memastikan komisyen atau bayaran perkhidmatan tidak diasaskan atau bernisbahkan jumlah atau jangka masa pinjaman (Sharifah Faigah Syed Alwi 2006).

Aplikasi Prinsip Qard Al-Hasan Dalam Produk Kewangan Di Malaysia

Urusniaga *Qard al-Hasan* sebelum ini lebih dikenali sebagai pinjaman tanpa riba terbatas kepada jumlah pinjaman tertentu dengan tempoh masa tertentu di samping turut dikenali sebagai salah satu produk kebajikan. Prinsip *Qard al-Hasan* diaplikasikan di dalam produk-produk di pelbagai institusi kewangan seperti produk pembiayaan, terbitan pelaburan kerajaan, overdraf, pinjaman al-Rahn, wakaf tunai, kad kredit, pinjaman pendidikan dan pinjaman kebajikan am.

Dalam skim pinjaman atau pembiayaan Islam hanya membenarkan transaksi pemberian hutang atau pinjaman wang yang bebas daripada unsur riba dan mengutamakan kebajikan dan keadilan sosial yang dikenali sebagai *Qard al-Hasan*. Pelaksanaan skim perkhidmatan pemberian pinjaman wang secara *Qard al-Hasan* telah diaplikasikan oleh beberapa institusi dan agensi di Malaysia dengan inisiatif untuk meringankan beban golongan yang terdesak dan tersepit dalam kancah krisis kewangan. Skim pembiayaan secara mikrokredit dilihat dapat membantu proses penjanaan pendapatan secara tetap kepada golongan yang berpotensi untuk meningkatkan taraf hidup mereka di samping menjadi pemangkin untuk memajukan sektor ekonomi tertentu khususnya industri kecil dan sederhana. Antara agensi yang menawarkan skim pinjaman secara *Qard al-Hasan* ialah Amanah Ikhtiar Malaysia dan beberapa koperasi Islam di negara ini. Memandangkan pelaksanaan pinjaman ini tidak mengenakan faedah ke atas pinjaman, pemantauan yang berterusan oleh pihak berkenaan kepada peminjam amat penting bagi memastikan bayaran pinjaman dilunaskan pada kadar dan tempoh yang telah dipersetujui bersama.

Prinsip *Qard al-Hasan* juga digunakan secara meluas dalam skim pajak gadai Islam atau *al-rahnu* di Malaysia yang ditawarkan oleh koperasi dan bank. Skim Al-rahnu merupakan transaksi pemberian kemudahan pinjaman wang di mana seorang penggadai (al-rahin) akan meletakkan barang gadaian (al-marhun) yang bernilai seperti emas kepada pemegang gadaian sebagai cagar terhadap pinjaman yang dibuat. Jumlah pinjaman adalah berdasarkan kepada nilai emas semasa dan bergantung kepada peratusan had pinjaman yang dibenarkan oleh sesebuah institusi al-rahnu. Biasanya jumlah pinjaman yang dibenarkan adalah sekitar 50 peratus sehingga 75 peratus daripada harga barang gadaian mengikut nilai emas semasa. Pinjaman yang ditawarkan adalah berlandaskan kepada *Qard al-Hasan* iaitu tidak dikenakan sebarang kadar faedah. Bagi menampung kos pengurusan, pemegang barang gadaian dibenarkan untuk mengenakan caj upah simpan pada kadar yang rendah terhadap penggadai.

Selain itu, terdapat beberapa instrumen kewangan yang melibatkan himpunan kontrak seperti instrumen kewangan derivatif yang menghasilkan produk deposit berasaskan himpunan kontrak mudarabah dan qard. Sebuah institusi kewangan Islam mencadangkan produk deposit yang berasaskan himpunan kontrak mudarabah dan qard misalnya dengan menetapkan kadar mudarabah 60 peratus dan qard 40 peratus. Nisbah antara kedua-dua kontrak akan berterusan bermula daripada pembukaan akaun sehingga penutupan akaun. Setiap pengeluaran wang daripada akaun berkenaan akan mewakili sebanyak 60 peratus daripada bahagian dana mudarabah manakala 40 peratus adalah daripada bahagian dana qard. Dalam hal ini, Majlis Penasihat Syariah (MPS, 2005) memutuskan bahawa himpunan kontrak mudarabah dan qard dalam satu produk deposit adalah dibenarkan.

Prinsip Qard al-Hasan juga diguna pakai dalam penawaran produk sukuk. Petronas Dagangan Berhad telah menerbitkan Sukuk berasaskan kontrak *Qard al-Hasan* berjumlah RM 300 juta pada tahun 1993 manakala Petronas Gas Berhad pula melancarkan Sukuk berkonsepkan Qard al-Hasan pada tahun 1994 berjumlah pula RM800 juta (Kamaruzaman, Mohd Yahya & Suhaili, 2004). Penawaran sukuk oleh syarikat-syarikat ini bertujuan untuk mendapatkan kecairan modal dalam menjalankan operasi perniagaan. Melalui prinsip Qard al-Hasan, pembeli sukuk ini akan memberikan sejumlah wang dalam bentuk pinjaman atau pembiayaan kepada syarikat tersebut dan akan menjualnya semula setelah tamat tempoh matang sukuk tersebut.

Kekangan Dalam Penawaran Qard Al-Hasan Sebagai Produk CSR

Tujuan pelaksanaan CSR adalah sebagai satu usaha badan korporat menyumbang kembali bagi memenuhi keperluan masyarakat. Ia berupaya menjadi pengimbang dalam memastikan kestabilan sesebuah organisasi dan kemandirian sosio ekonomi masyarakat. Tanggungjawab sosial korporat merupakan satu medium terbaik untuk organisasi korporat melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan alam sekitar. Sehubungan dengan itu, konsep dan pelaksanaan CSR ini perlu diperkemas dan dimantapkan bagi memastikan ianya dapat memberikan keputusan dan kesan yang diingini sesuai dengan matlamat pelaksanaannya.

Berdasarkan perbincangan di atas, Qard al-Hasan dilihat memainkan peranan yang penting dalam memenuhi keperluan sosial masyarakat. Oleh itu institusi kewangan Islam sebagai sebuah organisasi yang beroperasi berdasarkan kepada prinsip-prinsip Islam seharusnya menerajui penawaran produk berasaskan Qard al-Hasan ini kerana selain dari zakat dan lain-lain instrument filantropi Islam, Qard al-Hasan juga adalah sebahagian daripada servis tanggungjawab sosial korporat (Noraini Mohd Ariffin et.al, 2011). Perbankan Islam yang berlandaskan syariah perlu beroperasi berlandaskan kepada prinsip moral, etika dan tanggungjawab sosial. (Soraya Fitria, 2010). Namun begitu, mengikut satu kajian yang telah dilakukan hanya terdapat empat institusi perbankan sahaja yang menawarkan pelbagai produk berasaskan prinsip Qard al-Hasan iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), al-Rajhi Bank dan Kuwait Finance House (KFH) walaupun terdapat lebih daripada lima belas buah institusi perbankan Islam di Malaysia. Di samping itu, keempat-empat bank ini hanya menawarkan produk Qard al-Hasan, dalam jumlah yang minima dan hanya ditawarkan dalam masa yang singkat. Sebagai contoh BIMB hanya menawarkan produk berasaskan Qard al-Hasan bermula tahun 2001 sehingga 2008 sahaja (Noraini Mohd Ariffin et.al, 2011) walaupun telah beroperasi selama 18 tahun sebelum mula menawarkan produk-produk tersebut. Kajian yang dilakukan juga mengariskan

bahawa objektif bagi sesebuah organisasi Islam ialah untuk memenuhi keperluan masyarakat secara menyeluruh dan bukan hanya sekadar mendapat keuntungan semata-mata. Oleh itu, penawaran produk berasaskan prinsip Qard al-Hasan merupakan sebahagian daripada pelaksanaan sosial korporat perbankan Islam.

Antara faktor yang menyebabkan produk berasaskan Qard al-Hasan kurang ditawarkan oleh perbankan Islam ialah risiko pembiayaannya yang tinggi tanpa sebarang jaminan pembayaran balik (M. A. Adnan, 2006). Pada kebiasaannya pinjaman Qard al-Hasan ini diminta oleh individu yang memerlukan wang dan sudah menjadi perkara yang lazim para peminjam akan menanggungkan pembayaran balik pinjaman mereka. Dalam keadaan ini, institusi perbankan Islam akan mengalami kesukaran dalam mendapatkan semula dana pembiayaan mereka sekaligus meningkatkan kadar tunggakan pinjaman (*Non-Performing Loan*). Peningkatan NPL ini akan mempengaruhi prestasi dan kestabilan sesebuah institusi kewangan. NPL yang melebihi 8.5% kadar toleransi sebagai mana yang ditetapkan oleh Bank Negara akan memberi kesan terhadap survival sesebuah bank tersebut (www.treasury.gov.my/index.php). Kadar NPL ini mencerminkan tahap kestabilan sesebuah bank. Peraturan yang tinggi menunjukkan bahawa bank mengalami kesukaran mendapatkan semula jumlah pinjaman yang telah diberikan. Ianya akan mengurangkan kadar keuntungan dan menjadi penyebab kepada penutupan sesebuah bank. Bagi mengelakkan dari perkara ini terjadi, langkah yang diambil ialah tidak menawarkan produk Qard al-Hasan. Antara faktor lain yang mendorong kepada kekurangan penawaran produk Qard al-Hasan ialah *moral hazard* di kalangan peminjam itu sendiri. Masalah *moral hazard* di kalangan peminjam mengurangkan keyakinan bank Islam untuk memberi pinjaman kepada mereka kerana dikhuatiri akan meningkatkan kadar NPL tersebut.

Selain itu terdapat juga persepsi masyarakat yang mengatakan bahawa pinjaman Qard al-Hasan tidak wajib dibayar kerana ianya bersifat bantuan kebajikan sedangkan pada hakikatnya menurut konsep asas Qard al-Hasan, sebarang pinjaman kewangan adalah wajib dibayar supaya objektif asalnya – memenuhi keperluan kewangan individu – dapat terlaksana. Sekiranya masyarakat masih beranggapan bahawa pinjaman ini tidak perlu dibayar, maka keupayaan perbankan Islam untuk membantu individu yang memerlukan akan terhalang. Penawaran produk Qard al-Hasan berupaya mengurangkan kadar kemiskinan dalam Negara. Ini kerana, di kebanyakan Negara (Widiyanto *et.al*, 2011) terutamanya Malaysia terdapat banyak perusahaan-perusahaan mikro dan kecil yang secara signifikannya menyumbang kepada pengurangan kadar kemiskinan. Perusahaan bersaiz mikro ini pada kebiasaannya diusahakan oleh individu yang berusaha keluar dari kepompong kemiskinan. Perusahaan mikro dan kecil ini boleh beroperasi menggunakan dana modal yang kecil namun realitinya pengusaha-pengusaha ini mengalami kesukaran mendapatkan dana pembiayaan dari institusi kewangan disebabkan oleh saiz perusahaan mereka tersebut. Kebanyakan institusi kewangan lebih berkeyakinan terhadap syarikat-syarikat yang memiliki portfolio dan pelan kewangan yang stabil dan mantap. Oleh sebab itu, peluang bagi pengusaha mikro dan kecil memperoleh bantuan modal adalah kecil. Sekiranya Berjaya mendapatkan bantuan dana, pengusaha-pengusaha ini akan terbelenggu dengan kadar faedah yang perlu dibayar. Situasi ini tidak akan membantu memajukan perusahaan mereka. Oleh sebab itu penawaran produk Qard al-Hasan menjadi salah satu penyelesaian masalah kepada pengusaha industri mikro dan kecil.

Penutup

Walaupun realitinya agak sukar institusi kewangan untuk melaksanakan prinsip *Qard al-Hasan* kerana terpaksa mengekalkan keuntungan yang baik dalam persaingan dengan institusi-institusi kewangan lain Islam jelas merupakan agama yang telah menyediakan hamparan jalan kehidupan yang syumul dengan menganjurkan umatnya supaya bijak menguruskan kehidupan termasuk dalam aspek pengurusan kewangan.

Pelan dan produk *Qard al-Hasan* wajar diketengahkan dan diperluaskan lagi pelaksanaannya sebagai salah satu asas dalam menggerakkan sistem ekonomi Islam yang bebas daripada elemen riba kerana ianya merupakan salah satu cara bagi badan korporat menyumbang kembali kepada masyarakat. Pelaksanaannya walau bagaimanapun memerlukan kajian yang lebih teliti dengan mengambil kira pengalaman dan pandangan pihak-pihak yang menjalankan skim berlandaskan *Qard al-Hasan* tersebut pada masa sekarang. Hasrat murni ini sewajarnya didokong oleh semua agensi yang terlibat secara langsung dalam usaha memartabatkan taraf sosio ekonomi umat Islam di negara ini.

Bibliografi

- Ab. Mukmin Ab. Ghani. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Ab. Mumin Ab. Ghani & Nor `Azzah Kamri. 2009. Prinsip- prinsip Islam dalam Pembiayaan Keusahawanan, dalam Nor `Azzah Kamri et al. (eds). *Keusahawanan Islam: Konsep dan Isu-Isu Pelaksanaannya*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Pengurusan, APIUM. hh. 85-96.
- Ahmad As`ad Mahmud, al-Haj, Dr, 2008, *Nazariat al-Qard fi Fiqh Islami*, Dar Nufais
- Al-Suyuti, Jami` al-Ahadith, hadith no. 12633, Juz 13, m.s 91.
- Bhuiyan, Abul Bashir Siwar, Chamhuri dalam Islam, Aminul Rashid & Mamunur, 2012, *The approaches of Islamic and conventional microfinancing for poverty alleviation and sustainable livelihood*, dalam American Journal of Applied Sciences.
- M. Yahya M. Hussin, et. al. (2013). Pasaran Modal Islam di Malaysia: Mengembang atau Menguncup?. *Jurnal Perspektif* Jil. 5 Bil. 2 (1-14) 1 ISSN 1985 – 496.
- Noraini mohd. Ariffin & muhamad akhyar adnan (2011). “Malaysian Islamic bankers’ perceptions of al-qard”. *Review of Islamic economics*. Vol. 15. No. 2.
- Sabran, Osman, 2001, *Urus niaga Al-Qard Al-Hasan; Dalam pinjaman tanpa riba*, Penerbit UTM, Skudai, Johor Bahru.
- Sahih Muslim, hadith no. 7028, juz 8, m.s 71; Sunan Ibn Majah, hadith no. 225, juz 1, m.s 28; Sunan al-Tirmizi, hadith no. 2945, juz 5, m.s 195.
- Scoon, Farid. 2000. *Qard al-Hasana-Towards Relation* dalam Asma Siddiqi et.al (ed), *Anthology of Islamic Banking*. London: Institute of Islamic Banking and Insurance.
- Seyed Kazem Sadr, 2014, *Qard Hasan Financing In Islamic Banks*, dalam *Isra International Journal Of Islamic Finance* volume: 6, Issue: 2.
- Soraya fitria & dwi hartanti (2010). “Islam dan Tanggungjawab Sosial: Studi Perbandingan Pengungkapan Berdasarkan Global Reporting Initiative Indeks dan Islamic Social Reporting Indeks”. *Simposium Nasional Akuntansi xiii Purwokerto*.
- Syahnaz binti Sulaiman, *Konsep Pinjaman Menurut Perspektif Islam*, e-muamalat.gov.my/sites/.hlm.10, 10/2/2015.
- Syarifah Faigah Syed Alwi. 2006. *Pembiayaan Hutang Dalam Perbankan Islam*. Shah Alam: UPENA. Volume 4, Issue 4.

Widiyanto, Mutamimah & Hendar (2011). “Effectiveness of Qard al-Hasan Financing As A Poverty Alleviation Model”. *Ekonomi Journal Of Emerging Markets*. 3(1) 27-42.
Zaharuddin Hj Abd Rahman. 2006, *Kos Pengurusan dalam Implementasi ‘Qard Hasan’*,
Metro Ahad dalam
http://www.zaharuddin.net/index2.php?option=com_content&do_pdf=1&id=149,
10/2/2015.

www.treasury.gov.my/index.php

www.globaleconomy.com/Malaysia/Nonperforming_loans/

http://ms.wikipedia.org/wiki/Al-Rajhi_Bank

http://ms.wikipedia.org/wiki/Bank_Rakyat

<http://pinjaman.co/skim-pinjaman-tanpa-faedah>

<http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=Islamic&type=IB&fund=0&cu=0>